

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 19.05.2015 (SELASA)

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah pengeluaran notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 semenjak pelaksanaan cukai GST dan tindakan susulan yang diambil.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah melaksanakan OPS CATUT Fasa 2 bermula 1 April 2015. Sehingga 14 Mei 2015, sebanyak 283,245 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak 815 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM134,830 dan nilai kompaun sebanyak RM122,250. Manakala di bawah seksyen 21 AKHAP 2011 sebanyak 819 Notis telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.